# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# ASRAMA PEKERJA KILANG LATEXX 3, JALAN IKA INDUSTRI KAMUNTING AMAN, KAMUNTING, PERAK
# BERKUATKUASA 3 JULAI 2021

Dikemaskini pada 2 Julai 2021

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | Asrama Pekerja Kilang Latexx 3, Jalan IKA Industri Kamunting Aman, Kamunting, Perak (Daerah Larut Matang Dan Selama). |
| Tempoh Kuat kuasa | 3 Julai 2021 (12.01 pagi) sehingga 16 Julai 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM Dan RELA.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP dan DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.<br>• Semua penghuni asrama di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari asrama/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan ***case by case basis.***<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.<br>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD. |
| Saluran Makanan dan keperluan | • Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh pihak Pengurusan Kilang Latexx 3 dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Larut Matang Dan Selama (LMS).<br>• Sumbangan keperluan makanan dari NGO dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah LMS. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar kepada penghuni asrama di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |